

29/01/2001

Masalah teknikal perlu dibincang peringkat tertinggi

KUALA LUMPUR, Ahad - Pas tidak wajar mengkaji semula kesediaannya mengadakan pertemuan dengan Umno berhubung isu penyatuan Melayu sehingga kedua-dua setiausaha agung parti itu menyelesaikan masalah teknikal berkaitan perkara berkenaan.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata masalah teknikal perlu dibincangkan pada peringkat tertinggi dan apa yang penting pertemuan itu hendaklah diteruskan bagi mencari kesepakatan demi kebaikan generasi muda.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, semalam yang dipetik sebagai berkata, Pas akan mengkaji semula kesediaan mengadakan pertemuan atas alasan skop perbincangan masih terhad kepada kepentingan Melayu sahaja.

Nasharuddin yang menyifatkan tiada tanda positif pertemuan itu akan menjadi kenyataan berkata, Pas tetap berpendirian skop pertemuan perlu diperluaskan meliputi isu intergrasi nasional.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan ketika ditemui selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melancarkan go-kart Rotax Max World Finals Langkawi 2002 di sini, hari ini berkata: "Pertemuan kedua-dua pemimpin tertinggi itu adalah usaha murni Umno untuk menyatukan orang Melayu.

"Apabila perbincangan di peringkat tertinggi menjadi kenyataan, ia boleh diperluaskan pada peringkat bahagian dan cawangan untuk mengukuhkan penyatuan di peringkat akar umbi."

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata sikap berdolak dalik Pas yang sebelum ini bersetuju mengadakan pertemuan dengan Umno untuk membincangkan penyatuan Melayu, tetapi kemudian ingin mengkaji semula kesediaannya, menunjukkan sikap Pas yang mementingkan diri sendiri.

Beliau berkata, sikap Pas itu menunjukkan ketidakpercayaan mereka terhadap perpaduan Melayu yang ingin dibentuk.

"Saya tidak tahu siapa yang menghasut mereka untuk meragui hasrat Umno. Apa yang hendak dikaji lagi? Umno sudah jelas tidak mempunyai motif sebaliknya, semata-mata ingin melihat perpaduan Melayu yang menjadi teras perpaduan negara.

"Perpaduan sangat penting. Jika mereka menganggap perpaduan Melayu tidak penting maka mereka boleh dianggap tidak mementingkan perpaduan negara.

"Apa yang kita inginkan ialah Melayu tidak berpecah belah terutama ketika menjelang pilihan raya," katanya.

Di MELAKA, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata pemimpin Umno dan Pas wajar membincangkan mengenai perpaduan Melayu terlebih dulu sebelum diikuti kaum lain.

"Apabila kita nampak ada perpecahan, kita perlu baiki sebelum ia terlambat, diibaratkan rumahku syurgaku orang Melayu perlu dibetulkan, barulah orang lain menghormati kita," katanya kepada pemberita selepas majlis pemimpin bersama rakyat serta meraikan bakal haji di Pantai Puteri dekat sini.

Mohd Ali berkata, pertemuan Umno, Pas dan Keadilan yang disarankan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah wajar bagi membaiki hubungan serta perpecahan umat Islam dan orang Melayu.

Katanya, semangat yang diketengahkan oleh Perdana Menteri sesuai dengan semangat Islam.

"Rasulullah ketika berhijrah dari Makkah ke Madinah, pertama membina masjid, kedua merapatkan silaturahmi Muhajirin dan Ansar manakala ketiga merapatkan hubungan antara umat Islam dan bukan Islam," katanya.

"Usaha Perdana Menteri yang diterima oleh Pas adalah usaha yang baik dan wajar diteruskan," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, pula berkata Pas tidak harus terburu-buru kerana Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob belum berbincang dengan Nasharuddin.

Katanya, MT dimaklumkan perbincangan berkenaan tidak dapat diadakan kerana Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Nasharuddin berada di luar negara dan baru pulang.

Di ALOR STAR, Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar, berkata Pas sejak awal lagi hanya bersedia menyertai perbincangan jika skopnya diperluaskan kepada isu nasional dan tidak bertumpu kepada Melayu saja.

"Prinsip kita adalah jelas. Syarat kita ialah skop perbincangan perlu diperluaskan. Kita menolak jika perbincangan hanya mengenai Melayu kerana ia tidak berbangkit," katanya

(END)